



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK;
GALAKAN
BERKORBAN



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYANCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"GALAKAN BERKORBAN".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنِيَّ إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَأَنْظِرْ مَاذَا تَرَى قَالَ يَا بَتِ أِفْعَلْ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ ﴿١٠٣﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى عَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، يَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَارَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٤﴾</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah SWT,</p> <p>Marilah kita meningkatkan ketakwaan kehadiran Allah SWT dengan menunaikan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya, semoga kita beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Khatib ingin mengajak para jemaah sekalian untuk sama-sama menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk "GALAKAN BERKORBAN"</p> <p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT sekalian,</p>	6



Bulan Zulhijjah yang akan muncul antara bulan yang digelar sebagai bulan Haram dan bulan yang sangat ditunggu-tunggu oleh umat Islam. Antara ibadah yang ditunggu-tunggu apabila datangnya bulan Zulhijjah ialah ibadah korban.	7
Ibadah korban ialah bagi memperingati pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihis Salam yang diperintahkan oleh Allah SWT untuk menyembelih anaknya Ismail Alaihis Salam sebagai korban. Ia bertujuan menguji keimanan mereka berdua kepada Allah SWT.	8
Kisah ini diabadikan Allah SWT dalam surah al-Saffat ayat 102 yang dibaca pada mukadimah khutbah ini yang bermaksud: <i>"Maka ketika anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim Alaihis Salam berkata: "Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu, maka fikirkanlah apa pendapatmu?" Anakanya menjawab: "Wahai ayah, laksanakanlah apa yang diperintahkan kepadamu, Insya-Allah, ayah akan mendapati daku daripada orang-orang yang sabar."</i>	9



Sebagai ganjaran terhadap pengorbanan (keimanan dan kepatuhan) mereka, Allah SWT menggantikannya dengan seekor binatang sembelihan yang besar. Firman Allah SWT dalam *surah al-Saffat*, ayat 103–107:

فَلَمَّا أَسْلَمَا وَتَلَّهِ لِلْجَبِينِ ﴿١٠٣﴾ وَنَدَيْنَاهُ أَنْ يَا إِبْرَاهِيمُ ﴿١٠٤﴾ قَدْ صَدَّقْتَ
الرُّعْيَاءَ إِنَّا كَذَلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ ﴿١٠٥﴾ إِنَّ هَذَا لَهُوَ الْبَلَاءُ الْمُبِينُ ﴿١٠٦﴾
وَفَدَيْنَاهُ بِذَبْحٍ عَظِيمٍ ﴿١٠٧﴾

10

“Setelah keduanya berserah bulat-bulat (menjunjung perintah Allah itu) dan Nabi Ibrahim Alaihis Salam merebahkan anaknya dengan meletakkan iringan mukanya di atas tompok tanah, (Kami sifatkan Ibrahim Alaihis Salam dengan kesungguhan azamnya itu telah menjalankan perintah Kami), Serta Kami menyerunya: Wahai Ibrahim! Engkau telah menyempurnakan maksud mimpi yang engkau lihat itu. Demikianlah sebenarnya Kami membalas orang-orang yang berusaha mengerjakan kebaikan. Sesungguhnya perintah ini adalah satu ujian yang nyata; Dan Kami tebus anaknya itu dengan seekor binatang sembelihan yang besar;”

11

Hadirin Jumaat sekalian,

Hukum ibadah korban adalah sunat muakkad (sangat dituntut) bagi orang-orang yang berkemampuan. Malah, makruh hukum meninggalkannya (tidak menunaikan korban) jika mampu.

12



Allah SWT berfirman dalam Surah al-Kauthar, ayat 1-2:

إِنَّا أَعْطَيْنَكَ الْكَوْثَرَ ﴿١﴾ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ ﴿٢﴾

"Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat). Oleh itu kerjakanlah sembahyang kerana tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur)."

13

Nabi Muhammad SAW tidak pernah meninggalkan ibadah korban setelah disyariatkan. Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahu'anhū bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَانَ لَهُ سَعَةٌ، وَلَمْ يُضَحِّ، فَلَا يَقْرَبَنَّ مُصَلَّانَا

"Sesiapa yang mempunyai kelapangan (mampu) untuk berkorban, tetapi dia tidak berkorban, maka janganlah dia datang mendekati tempat sembahyang kami ini."

(Riwayat Ibnu Majah).

14

Begitu juga dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Saidatina A'isyah Radiallahu'anha bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا عَمِلَ آدَمِيُّ مِنْ عَمَلٍ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ، إِنَّهَا لَتَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِقُرُونِهَا وَأَشْعَارِهَا وَأَظْلَافِهَا، وَأَنَّ الدَّمَ لَيَقَعُ مِنَ اللَّهِ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقَعَ مِنَ الْأَرْضِ فَطِيبُوا بِهَا نَفْسًا

15



<p><i>“Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak Adam pada hari Nahr (Eidul Adha) yang lebih disukai oleh Allah selain daripada mengalirkan darah (haiwan korban). Sesungguhnya ia (haiwan korban itu) akan datang pada hari kiamat kelak dengan tanduk, bulu, dan kukunya. Dan sungguh, darah tersebut akan sampai kepada (reda) Allah sebelum titisan darah tersebut jatuh ke bumi. Maka bersihkanlah jiwa kalian dengan berkorban.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Tirmizi).</i></p>	16
<p>Hadirin Jumaat yang berbahagia,</p> <p>Kebelakangan ini banyak pihak yang menawarkan perkhidmatan menunaikan ibadah korban di luar negara. Bagaimanapun, timbul persoalan manakah yang lebih baik, sama ada ibadah korban dilakukan di dalam negara atau di negara luar yang lebih memerlukan? Sememangnya lebih afdhal ibadah korban dilaksanakan di dalam negara tetapi tidak juga menjadi kesalahan jika ia dilakukan di luar negara terutamanya di negara-negara yang memerlukan.</p>	17
<p>Mengikut Mazhab Hanafi, makruh dipindahkan sembelihan di luar kawasan kecuali jika ada saudara mara yang memerlukan di sana. Manakala Mazhab Maliki pula menggariskan tidak harus dipindahkan sembelihannya ke luar kawasan melebihi jarak musafir, kecuali jika ada yang sangat memerlukan</p>	18
<p>Jelaslah bahawa penyembelihan korban di tempat sendiri adalah cara paling tepat untuk menaikkan syiar Allah SWT. Dengan cara ini orang yang berkorban dapat mengamalkan beberapa amalan Sunnah seperti membuat pengagihan daging korban tersebut, menyembelih sendiri binatang korbannya bahkan dapat menyaksikan sendiri sembelihan korbannya.</p>	19



Hal ini berdasarkan sebuah hadis di mana Nabi SAW memerintahkan anak perempuannya, Saidatina Fatimah Radiallahu'anha dengan sabdanya:

قُومِي إِلَىٰ أَوْحِيَّتِكَ فَاشْهَدِيهَا، فَإِنَّ لَكَ بِكُلِّ قَطْرَةٍ تَقْطُرُ مِنْ دَمِهَا يُغْفَرُ
لَكَ مَا سَلَفَ مِنْ ذُنُوبِكَ

20

"Pergilah kepada haiwan korbanmu dan saksikanlah ia sendiri kerana sesungguhnya bagi kamu dengan titisan pertama yang mengalir daripada darahnya itu akan diampunkan bagimu dosa-dosamu yang telah lalu."

(Riwayat al-Hakim).

21

Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa inti pati khutbah sebagai panduan kita bersama iaitu:

1. Kita hendaklah meyakini bahawa ibadah korban adalah ibadah yang disyariatkan dalam agama.
2. Kita hendaklah berusaha bersunggu-sungguh mengikut kemampuan untuk berkorban setiap tahun.
3. Kita hendaklah memahami bahawa setiap pengorbanan yang diberikan akan dibalas dengan kebaikan di dunia dan di akhirat nanti.

22



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿وَأْتَلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ ابْنَيْ آدَمَ بِالْحَقِّ إِذْ قَرَّبَا قُرْبَانًا فَتُقْبِلَ مِنْ أَحَدِهِمَا وَلَمْ يُتَقَبَّلْ مِنَ الْآخَرِ قَالَ لَأَقْتُلَنَّكَ ۗ قَالَ إِنَّمَا يَتَقَبَّلُ اللَّهُ مِنَ الْمُتَّقِينَ﴾^(٢٧)</p>	23
<p><i>“Dan bacakanlah (wahai Muhammad) kepada mereka kisah (mengenai) dua orang anak Adam (Habil dan Qabil) yang berlaku dengan sebenarnya, iaitu ketika mereka berdua mempersembahkan satu persembahan korban (untuk mendampingi diri kepada Allah). Lalu diterima korban salah seorang di antaranya (Habil) dan tidak diterima (korban) dari yang lain (Qabil). Berkata (Qabil): Sesungguhnya aku akan membunuhmu!. (Habil) menjawab: Hanyasanya Allah menerima (korban) dari orang-orang yang bertakwa.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Surah al-Maidah: 27).</i></p>	24
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	25
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	26



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ اعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظُفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.	17



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	18
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.	19
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾	20
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	21